

Nama: .....

Tingkatan: .....

**910/1**

**STPM 2014**

**BAHASA MELAYU  
KERTAS 1  
(Dua jam)**

**SMK SULTAN OMAR  
DUNGUN, TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM  
PENGAL 1  
2014**

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA  
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)**

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Kertas ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.*

*Calon dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B dan **satu** soalan Bahagian C.*

*Ada **dua puluh** soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan yang betul dan tandakan jawapan itu pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.*

*Calon dikehendaki menjawab soalan dalam Bahagian B dan Bahagian C pada helaian jawapan. Mulakan setiap jawapan anda pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan mengikut tertib berangka. Koyakkan muka hadapan kertas soalan ini dan ikatkan bersama-sama dengan helaian jawapan bagi Bahagian B dan Bahagian C.*

*Markah untuk tiap-tiap soalan dan bahagian soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].*

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian A	
1 - 20	
Bahagian B	
21	
22	
23	
Bahagian C	
24	
25	
26	
Jumlah	


---

**Kertas soalan ini terdiri daripada 9 halaman bercetak.**

**Bahagian A [20 markah]**

Jawab semua soalan.

1



Berdasarkan rajah di atas, **R** ialah bahasa

- A Polinesia
- B Nusantara
- C Melanesia
- D Mikronesia

2 Yang manakah padanan yang **betul** antara perkataan pinjaman dengan bahasa sumbernya?

	<i>Perkataan Pinjaman</i>		
	<i>Bahasa Sanskrit</i>	<i>Bahasa Arab</i>	<i>Bahasa Cina</i>
A	Kapal	Fakir	Emak
B	Dewa	Pahala	Kuil
C	Khusus	Wajah	Soto
D	Syurga	Zalim	Gincu

3 Kesemua yang berikut merupakan ciri bahasa Melayu klasik **kecuali**

- A tiada pengaruh bahasa Sanskrit
- B menggunakan kata pangkal ayat
- C banyak menggunakan ayat pasif berbanding dengan ayat aktif
- D menjadi medium dalam penghasilan karya sastera dan penyebaran ilmu

4 Kumpulan batu bersurat yang menggunakan bahasa Melayu kuno telah ditemukan

<b>A</b>	di Talang Tuwo	di Karang Brahi	di Sg. Teresat
<b>B</b>	di Kota Kapur	di Minye Tujuh	di Talang Tuwo
<b>C</b>	di Kota Kapur	di Talang Tuwo	di Karang Brahi
<b>D</b>	di Karang Brahi	di Minye Tujuh	di Kedukan Bukit

5 Matlamat kelima undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 1959, Bahagian (5) menyatakan bahawa DBP perlu menyusun dan menerbitkan kamus dalam bahasa kebangsaan.

Usaha Dewan Bahasa dan Pustaka yang dinyatakan di atas termasuk dalam proses

- A pengekodan
- B pemupukan
- C perancangan
- D penyusunan

6 Yang manakah pernyataan yang **benar** tentang bahasa Melayu kuno?

- I Vokal *e* pepet tidak digunakan dalam bahasa Melayu kuno.
- II Terdapat konsonan *dz* dan *kz* yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit.
- III Awalan *par-* dalam bahasa Melayu kuno berubah menjadi *ber-* dalam bahasa Melayu moden.
- IV Fonem *w* dalam bahasa Melayu kuno berubah menjadi *b* secara kekal dalam bahasa Melayu moden.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Yang manakah aktiviti yang tergolong dalam perancangan korpus bahasa?

- A Memperbanyak bahan bacaan dalam bahasa Melayu
- B Merancang penggunaan bahasa Melayu dalam pentadbiran
- C Mengadakan usaha untuk memantapkan tatabahasa bahasa Melayu
- D Mensyaratkan kelulusan bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia

8

	<i>Tokoh</i>		<i>Karya</i>
I	Za'ba	P	Kamus Melayu-Inggeris
II	R.J. Wilkinson	Q	Buku Katan
III	Raja Ali Haji	R	Bustan al-Katibin

IV	Mohammad Said Haji Sulaiman
----	-----------------------------

S	Ilmu Mengarang Melayu
---	-----------------------

Berdasarkan jadual di atas, yang manakah padanan yang **betul** antara tokoh dengan karyanya?

	I	II	III	IV
A	S	P	R	Q
B	S	Q	P	R
C	Q	P	R	S
D	R	Q	S	P

9 Apakah salah satu sebab bahasa Melayu kuno banyak sekali menerima pengaruh bahasa Sanskrit?

- A Bahasa Sanskrit merupakan bahasa agama.
- B Bahasa Sanskrit mempunyai status yang tinggi.
- C Bahasa Sanskrit boleh menyaingi bahasa Jawa kuno.
- D Bahasa Sanskrit digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat.

10

- Udara tersekat pada pertemuan dua bibir.
- Udara yang tersekat itu dilepaskan serta-merta.
- Pita suara tidak bergetar.

Yang manakah pasangan kata yang bunyinya dihasilkan dengan cara di atas?

- A pasar – bulan
- B dapur – kapur
- C paras – garis
- D bantu – lambat

11 Antara perkataan yang berikut, yang manakah menunjukkan penggunaan e taling dalam suku kata terbuka?

- I Telor
- II Peka
- III Sendeng
- IV Engsel

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

12

- Belakang lidah diturunkan satu pertiga daripada kedudukan tertinggi
- Lelangit lembut dinaikkan ke belakang rongga tekak
- Pita suara bergetar

Bunyi vokal yang dihasilkan dengan cara di atas terdapat dalam perkataan

- A atlet
- B kualiti
- C kolam
- D penggal

13





<i>Jenis vokal</i>	
I	Vokal tengah
II	Vokal belakang sempit
III	Vokal depan separuh sempit
IV	Vokal belakang separuh sempit

<i>Kata</i>	
W	Tulus, buluh, dulu
X	Tolong, dodol, solo
Y	Belok, tempoh, kole
Z	Beranda, semak, redah

Yang manakah padanan yang betul antara jenis vokal dengan kata yang mengandungi vokal tersebut ?

	I	II	III	IV
A	X	Y	W	Z
B	Y	X	Z	W
C	Z	Y	W	X
D	Z	W	Y	X

14 Antara gambar rajah berikut, yang manakah yang menunjukkan penghasilan bunyi [b]?



15 Antara yang berikut, yang manakah pernyataan yang **benar** tentang bunyi konsonan?

- I Lelangit lembut dinaikkan semasa menghasilkan bunyi sengauan.
- II Semasa dihasilkan, udara mengalami sekatan atau halangan
- III Kedudukan lidah dan bukaan rongga mulut menentukan jenis konsonan.
- IV Konsonan pinjaman tergolong dalam konsonan geseran.

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

16 Bunyi dikeluarkan apabila udara dari paru-paru dihalang dengan merapatkan dua alat artikulasi. Udara yang tersekat itu dilepaskan dengan serta-merta.

Berdasarkan pernyataan di atas, bunyi yang terhasil ialah

- A sisian
- B letupan
- C letusan
- D getaran

17 Pilih kumpulan perkataan yang mengalami proses pengglotisan ketika bunyi dihasilkan.

- A Saat, buih, takdir
- B Kain, serak, lontar
- C Kerajaan, saat, taakul
- D Sukatan, manfaat, taksir

18 Pernyataan yang manakah benar tentang penghasilan bunyi [ n ]?


- I Pita suara tidak bergetar.
- II Lelangit lembut diturunkan.
- III Hujung lidah dirapatkan ke gigi-gusi.
- IV Arus udara keluar melalui rongga mulut.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19 Yang manakah ayat yang mempunyai kata yang mengandungi vokal rangkap?

- A Sekumpulan haiwan berkeliaran di padang ragut.
- B Adik menghalau kambing yang masuk ke kawasan rumah.
- C Polis sentiasa memantau pergerakan lalu lintas di kawasan bandar.
- D Pelajar-pelajar prauniversiti akan menerima elaun khas pada minggu hadapan.

20



Anak panah dalam rajah di atas menunjukkan arah pergerakan lidah untuk menghasilkan bunyi diftong. Perkataan yang mengandungi diftong yang terhasil dengan cara di atas ialah

- I daun
- II jauh
- III kilau
- IV pantau

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

## Bahagian B [30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab **semua** soalan.

Semangat patriotik kini didapati semakin luntur dalam kalangan masyarakat di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana masing-masing sibuk dengan urusan sendiri tanpa menghiraukan perkara lain. Perkara yang lebih penting dalam hidup mereka adalah untuk mengumpulkan kekayaan. Oleh sebab itu, mereka tidak menitikberatkan semangat patriotik dan tidak mempedulikan sambutan Hari Kebangsaan. Pendekatan yang terbaik perlu dicari bagi mengatasi masalah ini daripada berterusan.

Dalam hal ini, pihak kerajaan hendaklah memberikan penekanan tentang proses pemupukan semangat patriotik kepada anak-anak sejak mereka di bangku sekolah lagi. Perkara ini membolehkan semangat patriotik sebatik dalam diri pelajar, seperti kata peribahasa Melayu, “melentur buluh, biarlah dari rebungnya”. Sekiranya semangat patriotik dapat dipupuk sejak kecil, sudah tentu semangat tersebut akan terus diamalkan dan dikekalkan hingga dewasa.

Penekanan tentang semangat patriotik dalam kurikulum di sekolah dan di institusi pengajian tinggi adalah penting bagi mencapai hasrat ini. Dengan cara demikian, pelajar akan memahami dan menghayati semangat patriotik kerana aspek tersebut dipelajari dalam mata pelajaran tertentu. Dengan perkataan lain, perkara itu akan dipelajari secara formal di dalam kelas, diuji dalam peperiksaan dan seterusnya diamalkan dalam kehidupan seharian. Oleh hal yang demikian, semangat patriotik itu akan terus subur dalam sanubari pelajar hinggalah mereka meninggalkan alam persekolahan.

Agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab pula perlulah menjalankan aktiviti yang bersesuaian dengan usaha untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat. Aktiviti tersebut boleh dijalankan di kampung-kampung dan juga di kawasan perumahan. Oleh itu, aktiviti seperti sambutan Hari Kemerdekaan pada peringkat taman perumahan dan kampung perlulah digalakkan. Aktiviti tersebut bukan sahaja dapat memupuk semangat patriotik tetapi dalam masa yang sama dapat **merealisasikan *esprit de corp*** dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara kita.

Usaha untuk memupuk semangat patriotik perlulah dijalankan secara yang berterusan. Hal ini demikian kerana, semangat patriotik ini penting untuk melahirkan warganegara yang cinta akan negaranya dan pasti akan menjadi individu yang berguna kepada bangsa, agama dan negaranya sendiri. Sekiranya semangat patriotik tidak dapat dipupuk dalam kalangan remaja, pastilah mereka tidak ada perasaan cinta akan negara dan menyebabkan mereka hilang jati diri.

- 21 (a) Apakah tajuk yang sesuai bagi petikan di atas? [ 2 ]  
(b) Berikan maksud rangkai kata **merealisasikan *esprit de corp*** dalam petikan di atas. [ 2 ]
- 22 Nyatakan cadangan penulis bagi meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat di negara ini? [ 6 ]
- 23 Jelaskan kepentingan semangat patriotik kepada masyarakat dan negara. [ 20 ]  
Panjang jawapan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan.



**Bahagian C [50 markah]**

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini.*

**24** Walaupun iklan penting dalam dunia perniagaan, namun iklan juga dikatakan menimbulkan kesan negatif kepada orang ramai. Pada pandangan anda, iklan yang bagaimanakah yang seharusnya dibenarkan di negara ini?

**25** Pertambahan bilangan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini, belakangan ini dikatakan mendatangkan berbagai-bagai kesan kepada masyarakat dan negara. Bincangkan.

**26** Pelbagai kegiatan jenayah yang dilaporkan berlaku di negara ini, banyak yang melibatkan remaja. Jelaskan faktor-faktor penglibatan remaja dalam kegiatan jenayah?